

24 pelajar UiTM wakili Malaysia ke pertandingan kereta solar dunia di Australia

Oleh **Ruwaida Md Zain** - September 7, 2023 @ 3:52pm
bhnews@bh.com.my



Timbalan Naib Canselor Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni, Prof Dr Mohamad Hariri Abdullah (berdiri tengah) bersama pelajar serta penaja pada Majlis Mempekenalkan Kereta Solar Eco Photon Keris Generasi ke-5 di Dewan Kolej Seroja, UiTM Shah Alam. NSTP/Faiz Anuar

SHAH ALAM: Seramai 24 pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM) mewakili Malaysia ke pertandingan kereta solar dunia yang akan diadakan di Adelaide, Australia, pada 22 hingga 29 Oktober ini.

Kumpulan pelajar yang diiringi Ketua Penasihat Pasukan, Profesor Dr Azli Abd Razak itu akan membawa Kereta Solar Eco Photon Keris Generasi ke-5 (KerisGen5) yang dilancarkan hari ini.

Azli yang juga Ketua Pengajian Kejuruteraan Mekanikal UiTM, berkata Bridgestone World Solar Challenge 2023 itu membabitkan perlumbaan dari Darwin ke Adelaide sejauh 3,000 kilometer (km).

"Kita bertolak pada 1 Oktober, perlumbaan pada 22 Oktober, sebab sebelum perlumbaan, KerisGen5 perlu masuk proses pemeriksaan untuk memastikan ia selamat dalam apa jua keadaan, terutama ketika perlumbaan.

"Kita ke sana lebih awal untuk uji pandu kereta solar kita sebab cuaca di Australia dengan Malaysia berbeza. Nanti kita tahu apa persediaan yang perlu ditambah baik.

"Sasaran kita untuk berada dalam senarai 10 pasukan terbaik juga di Asia Tenggara. Kita bukan bersaing dengan pasukan kecil, sebaliknya pasukan besar seperti Poland dan Jepun," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas Majlis Pelancaran KerisGen5 oleh Timbalan Naib Canselor Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni UiTM, Profesor Dr Mohamad Hariri Abdullah di UiTM Shah Alam, di sini, hari ini.

Mengulas mengenai KerisGen5, Azli berkata, pembikinan kereta solar itu adalah hasil kerja 30 pelajar yang juga ahli Persatuan Eco Photon, Persatuan Pelajar Eco Photon Kolej Pengajian Kejuruteraan.

"Ini generasi kelima yang kita cipta dengan perubahan bentuk aerodinamik terkini. Kali ini kelajuan kereta solar kita lebih pantas.

"Kalau dulu kita boleh lakukan 100 km per jam, kali ini kita harap kita boleh lakukan dengan lebih baik.

"Kereta solar kita dibina dengan kos kurang RM1 juta iaitu kira-kira RM800,000 dan pelajar kita sendiri yang menghasilkannya," katanya.

Mohamad Hariri pula berkata, pihak UiTM berbangga kerana menjadi satu-satunya universiti yang mewakili Malaysia ke pertandingan kereta solar itu.

"Bukan kejayaan sahaja tetapi banyak perkara kami melihat, yang mana pelajar ini adalah duta kepada UiTM dan negara kita, bagaimana mereka aplikasi pembelajaran dalam kuliah kepada dunia realiti, kerja berpasukan, persediaan ke alam pekerjaan dan industri," katanya.